

Apresiasi Dialog Kehidupan Berhikmah Komuniti Cina Muslim di Terengganu

An Appreciation of the Dialogue of Life Wisdom among the Chinese Muslim Community in Terengganu

*AZARUDIN AWANG¹

KHADIJAH MOHD HAMBALI²

¹Academy of Contemporary Islamic Study, Universiti Teknologi MARA, Terengganu, Malaysia

²Akidad and Islamic Thought Department, Academy of Islamic Study,

University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

*Corresponding author: azaru154@tgatu.uitm.edu.my/ijamh@um.edu.my

Published online: 15 April 2017

To cite this article: Awang, A. and Mohd Hambali, K. 2017. Apresiasi dialog kehidupan berhikmah komuniti Cina Muslim di Terengganu. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 24(1): 1–22, <https://doi.org/10.21315/kajh2017.24.1.1>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/kajh2017.24.1.1>

Abstrak. Dialog antara agama merupakan satu bentuk wacana agama bagi mencari titik persefahaman antara penganut agama yang berbeza kepercayaan. Dalam perbincangan dialog antara agama yang bersifat informal, 'dialog kehidupan' merupakan satu bentuk wacana masyarakat yang berkaitan dengan persoalan kehidupan harian yang bukan sahaja mengandungi elemen-elemen keagamaan tetapi juga mencakupi segala aspek kehidupan harian. Pelaksanaan hubungan antara umat beragama yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW memperjelaskan bahawa pentingnya amalan toleransi bertunjangkan kebijaksanaan diketengahkan pada peringkat akar umbi. Dialog kehidupan berhikmah ini boleh diperhatikan dalam kehidupan masyarakat Cina Muslim di Terengganu dalam proses pembinaan semula hubungan dengan keluarga yang berbeza agama dan budaya hidup. Makalah ini membincangkan sejauh mana aspek-aspek hikmah diaplikasikan dalam kalangan masyarakat Cina Muslim di Terengganu ketika menjalinkan hubungan inter dan intra etnik melalui aktiviti yang dikenali sebagai dialog kehidupan. Dapatkan menjelaskan bahawa komuniti Cina Muslim menjalinkan hubungan dengan masyarakat Cina bukan Muslim dan masyarakat Melayu Muslim berteraskan hikmah mengikut kerangka yang digariskan oleh agama Islam. Kajian deskriptif ini menggunakan kaedah temu bual ke atas 20 orang anggota masyarakat Cina yang telah memeluk agama Islam di Terengganu.

Kata kunci dan frasa: dialog antara agama, dialog kehidupan berhikmah, Islam, Cina Muslim, Terengganu

Abstract. Interfaith dialogue is a form of religious discourse to find understanding between different religious beliefs. In informal discussions of interfaith dialogue, 'dialogue of life' is a form of public discourse which is related to daily life issues that include both religious elements and aspects of daily life. The inter-religious relations that occur during the time of Prophet Muhammad (pbuh) demonstrates the importance of establishing tolerance practices that are rooted in wisdom at the grassroots level. This dialogue of life is evident in the lives of the Chinese Muslim community in Terengganu in Malaysia, in rebuilding relationships with families of different religions and cultures. This article discusses the extent to which Chinese Muslims in Terengganu establish inter- and intra-ethnic relations through activities known as the dialogue of life. The findings suggest that the Chinese Muslim community's relationship with non-Muslim Chinese and Malay Muslim communities adheres to the framework of wisdom advocated in Islam. The findings of the current descriptive study are based on interviews of 20 Muslim Chinese converts in the state of Terengganu.

Keywords and phrases: interfaith dialogue, dialogue of life wisdom, Islam, Chinese Muslim, Terengganu

Pendahuluan

Kesedaran tentang pemakmuran hubungan antara ahli keluarga Muslim dengan bukan Muslim dalam komuniti saudara baru menjadi kian perlu bagi mencapai sebahagian pemupukan hubungan antara agama di Malaysia. Untuk itu, strategi yang merangkumi aspek interaksi harian perlu dititikberatkan dalam pelaksanaannya. Penglibatan saudara baru dalam aktiviti seharian keluarga asal ini haruslah melihatkan 'hikmah' sebagai satu kepentingan dalam menentukan kaedah-kaedah interaksi.

Perkataan *al-hikmah* (الحكمة) berasal daripada perkataan Arab, iaitu *ha-ka-ma* (حكم). Ibnu Manzur (2003) menjelaskan bahawa perkataan *al-hakiem* (الحكيم), yang merupakan salah satu nama Allah, bermaksud mempunyai hikmah (kebijaksanaan). *Al-hikmah* merupakan sebaik-baik pengetahuan tentang sesuatu ilmu (عِلْمٌ). Pengarang kamus *al-Mu'jam al-Wasit* menjelaskan hikmah sebagai pengetahuan yang paling baik, ilmu dan kefahaman, keadilan dan kenabian. Ia juga dijelaskan sebagai ucapan yang sedikit tetapi memberi makna yang mendalam (معناه الكلام الذي يقل لفظه ويجل) (Ibrahim et al. 1989). *Kamus Dewan* (2010) menjelaskan hikmah sebagai kebijaksanaan yang datangnya dari Allah SWT atau kelebihan sebenar di sebalik sesuatu perkara. Huraian perspektif terhadap aspek-aspek hikmah mungkin sahaja dapat diperhatikan dalam suasana yang berbeza. Syed Qutb (2004) menjelaskan bahawa hikmah bermaksud memberi perhatian terhadap keadaan dan suasana yang hendak disampaikan agar tidak memberatkan dan menyulitkan dengan taklif-taklif yang berat. Ibnu Kathir (1981) menyatakan

hikmah sebagai al-Quran dan sunah yang menjadi panduan kepada manusia. Manakala Reese (1980) mentafsirkan hikmah sebagai kebijaksanaan yang memberi pengertian *knowledge of the whole, prudence, learned ignorance and knowledge of scientific law*. Dalam konteks hubungan toleransi, Mohamad Zaidi, Nur Hafizah dan Bharuddin (2007) menghubungkan hikmah dengan pengetahuan latar belakang dan keadaan golongan sasaran. Justeru, hikmah merupakan satu bentuk penghujahan yang rasional dan berasaskan dalil yang mudah difahami. Dalam melaksanakan dialog kehidupan secara hikmah, seseorang itu perlu memiliki ilmu yang tinggi, memberi kefahaman yang jelas dan mudah serta mengetahui serba sedikit latar belakang rakan dialog agar ia mampu berbicara dengan baik.

Dialog antara agama tidak formal boleh memainkan peranan aktif dalam membantu usaha mewujudkan masyarakat bersatu padu. 'Berdialog' boleh dianggap sebagai satu interaksi berperaturan yang mengarahkan haluan untuk kita menggerakkan pelaksanaan dalam memupuk persamaan dan menghormati perbezaan kepercayaan orang lain bagi menghilangkan ancaman yang menghalang manusia (Syed Zainal 2000). Dialog antara agama¹ bertujuan untuk mencapai tiga motif utama, iaitu persefahaman, pemelukan agama dan perbincangan tentang doktrin agama (Azmil 2008). Dialog antara agama yang bersifat tidak formal yang juga dikenali sebagai dialog kehidupan ini merupakan interaksi yang berlaku dalam masyarakat awam yang berbeza agama atau budaya yang menyentuh realiti yang berlaku dalam kehidupan seharian manusia (Rahimin et al. 2011). Dialog kehidupan juga boleh berlaku melalui perkongsian kegiatan dengan melibatkan pelbagai lapisan kaum dalam pelaksanaannya. Hasilnya, nilai-nilai budaya dan positif warisan pelbagai kaum melalui proses bekerjasama, berkomunikasi dan hidup bersama-sama boleh dikembangkan dan dijadikan nilai-nilai bersama. Bagi Azizan (2008), implementasi dialog kehidupan boleh berlaku di mana-mana sahaja sama ada dalam konteks pekerjaan, sekolah, hospital, penggunaan kenderaan awam dan lain-lain. Sesungguhnya pendekatan dialog kehidupan itu adalah pelbagai – ada nilai agama dan ada nilai budaya – umpamanya sambutan perayaan, pelaksanaan ritual agama, menziarahi keluarga yang berbeza agama, pengalaman tinggal sebumbung, penglibatan dalam kegiatan gotong-royong dan lain-lain (Suraya 2012, Hensman 1999). Yang nyata ialah perkongsian hidup dianggap sebagai suatu realiti kehidupan masyarakat di sebuah negara multi etnik. Yang pasti, setiap etnik akan mempertahankan keunikan warisan dan norma hidup masing-masing sebagai tanggungjawab sosial. Di Malaysia, dialog kehidupan berlaku dalam dua suasana, iaitu antara penganut sesama agama seperti Melayu, Jawa, Bugis, Banjar, India Muslim dan Cina Muslim. Hal ini kerana setiap etnik ini mempunyai budaya dan cara hidup yang berbeza. Pada satu sudut yang lain pula, dialog kehidupan berlaku antara kelompok agama yang berbeza, iaitu komuniti Melayu yang beragama Islam, Cina yang beragama Buddha, India yang beragama Hindu, Iban

atau Kadazan yang beragama Kristian kerana setiap etnik ini mempunyai pegangan agama yang tersendiri (Rahimin et al. 2011).

Matlamat 'menghormati', 'menghargai' dan 'memahami' perbezaan menjadi matlamat utama dialog kehidupan seperti juga dialog antara agama yang lain (Troll 2008). Masyarakat awam memainkan peranan penting dalam mewadahkan dialog kehidupan melalui perkongsian aktiviti dan interaksi harian yang berlaku secara spontan. Pertemuan yang berlaku secara sukarela ini adalah kerana faktor tinggal sekampung, berjiran, tinggal sebumbung, rakan sepermainan dan menerima pendidikan di tempat yang sama yang memungkinkan masyarakat berbeza agama, budaya dan etnik saling mengenali dan menghargai antara satu sama lain (Suraya 2012). Justeru, Azizan (2008) menyatakan apresiasi dialog kehidupan ini boleh ditonjolkan sendiri oleh citra yang dilahirkan oleh sanubari peserta dialog melalui perkongsian jiwa, perasaan atau pemikiran.

Menurut *Kamus Dewan* (2010), apresiasi diambil daripada perkataan Inggeris, iaitu *appreciation* yang dijelaskan sebagai penghargaan, pengiktirafan, penghayatan dan penghormatan seseorang terhadap sesuatu nilai. Bagi Hensman (1999), apresiasi dialog kehidupan menatjhahkan beberapa perkara, antaranya peserta dialog hanya memerhati situasi yang berlaku. Biarpun tidak menyertai sebarang aktiviti, mereka mampu memahami situasi yang berlaku dalam aktiviti tersebut. Apresiasi dialog kehidupan seterusnya pula memaparkan peserta komited dengan melibatkan diri dalam aktiviti bagi memahami akitiviti tersebut dari akar umbi. Hal ini bermakna, implikasi dialog kehidupan terhadap peserta dialog berada pada skala yang berbeza bergantung kepada tahap penglibatannya dalam perkongsian aktiviti tersebut. Justeru, dialog kehidupan sedikit sebanyak mampu mengubah persepsi peserta yang terlibat terhadap perbezaan agama dan budaya orang lain. Dialog kehidupan boleh ditonjolkan dalam semua bidang seperti ekonomi, sosial, pendidikan, sukan dan kebudayaan. Azizan (2008) menyatakan dialog kehidupan pada hari ini sudah menjadi suatu realiti yang berlaku dalam kehidupan masyarakat majmuk sama ada di sekolah, pusat pengajian tinggi, pusat perniagaan, di padang permainan atau di pejabat. Pada peringkat peserta dialog, nilai, norma dan perasaan yang dikongsi membantu proses pemuaafakan dan proses pemasyarakatan bersama. Umpamanya, amalan menziarahi kematian rakan yang berbeza agama dan meraikan sambutan perayaan orang lain dilihat sebagai sesuatu yang perlu dipertahankan dalam kehidupan bermasyarakat kerana nilai-nilai yang ditonjolkan ini berperanan mengisi pembentukan citra sebenar terhadap pemikiran rakan dialog. Kajian Suraya (2012) tentang pemupukan kaum dan agama yang pelbagai mendapati bahawa kurangnya toleransi dalam kehidupan komuniti yang berbeza agama adalah disebabkan oleh salah faham yang berlaku dalam agama. Justeru, peranan dialog kehidupan bukan sahaja membuka ruang secara terbuka kepada

peserta yang terlibat untuk memikir, mengkaji dan membandingkan fenomena yang berlaku dalam agama dan budaya masing-masing bahkan berdasarkan kenyataan di atas, apresiasi dialog kehidupan merupakan ekspresi komuniti yang berbeza agama atau budaya untuk menghargai, menghormati dan memahami perbezaan yang wujud dalam rutin kehidupan semasa. Hal ini bertujuan untuk membetulkan semula salah faham beragama dan melahirkan suasana perpaduan dalam masyarakat yang pelbagai.

Anjuran agar umat Islam melaksanakan hubungan yang baik dengan masyarakat yang berbeza kepercayaan, budaya dan sebagainya secara berhikmah didasarkan kepada firman Allah SWT dalam surah al-Nahl, 14:125 seperti berikut:

أَدْعُ إِلَيْ سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَذِيلِهِ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ
إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ

Maksudnya: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah (berdialog) dengan mereka dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat hidayah.

Ayat ini merupakan perintah Allah SWT kepada umat Muhammad SAW agar melakukan hubungan yang baik dengan masyarakat lain. Ahli tafsir seperti al-Qurtubi dan al-Wahidi mempunyai perbezaan pandangan sebab penurunan ayat ini. Al-Qurtubi (1967) menyatakan bahawa ayat ini diturunkan di Mekah dan Rasulullah SAW diperintahkan untuk bersikap damai terhadap golongan Quraisy. Beliau diperintahkan untuk menyeru kepada agama Allah dengan lembut (*talathuf* atau *layyin*), tidak bersikap kasar (*mukhasanah*) dan tidak menggunakan kekerasan (*ta'nif*). Al-Wahidi (n.d.) menerangkan bahawa ayat ini diturunkan setelah 70 sahabat mati syahid dalam Perang Uhud, termasuk bapa saudara Rasulullah SAW, iaitu Saidina Hamzah. Muhammad 'Alawi (n.d.) menyatakan bahawa ayat ini memberikan pengertian umum. Justeru, metodologi berinteraksi dengan cara berhikmah seperti memberi nasihat dan berbahas dengan baik boleh digunakan untuk berdakwah kepada sesiapa sahaja sama ada Muslim atau bukan Muslim. Walaupun begitu, makalah ini hanya membataskan perbincangannya kepada hubungan antara agama yang berdasarkan kepada hikmah.

Konsep Dialog Berhikmah

Perpaduan dan integrasi merupakan matlamat yang hendak dicapai dalam pelaksanaan dialog antara Muslim dengan bukan Muslim. Bagi mewujudkan

perpaduan yang unggul, masyarakat tanpa mengira latar belakang agama dan budaya wajar memiliki kesedaran, keperibadian dan nilai yang dapat menghapuskan unsur keturunan, perkauman dan perbezaan agama. Dialog berhikmah boleh memainkan peranan penting dalam memupuk nilai yang dapat mengintegrasikan kaum bagi menjamin kelestarian dan keharmonian masyarakat di negara ini. Piagam Madinah adalah satu perlembagaan yang dihasilkan bagi mewujudkan masyarakat yang berintegrasi dan adil agar kestabilan dan perpaduan negara dapat dicapai. Pada umumnya, terdapat beberapa pendekatan yang digunakan dalam Piagam Madinah bagi membentuk perpaduan bangsa dan menyelesaikan isu yang berkaitan dengan bukan Muslim. Pertama, kelonggaran kepada masyarakat bukan Muslim mengamalkan agama mereka dan mengakui harta benda mereka. Kedua, kedudukan masyarakat bukan Muslim adalah sama seperti komuniti Muslim daripada segi tanggungjawab terhadap keselamatan negara. Ketiga, komuniti bukan Muslim mendapat perlindungan, tidak ditindas malah mereka diberi hak untuk menjawat jawatan dalam kerajaan Islam (Ibn Hisyam 1955). Justeru, Piagam Madinah menekankan perpaduan semua penduduknya tanpa mengira latar belakang agama dan bangsa. Tinjauan asas ini mendapati bahawa hubungan antara agama pada peringkat awal tamadun Islam didokumenkan dalam bentuk peruntukan khusus yang menyentuh hak-hak golongan bukan Muslim.

Keupayaan Rasulullah SAW membentuk hubungan yang jitu antara agama bukan hanya wujud dalam kerangka yang formal. Pada masa yang sama juga ia dilaksanakan dalam bentuk hubungan yang tidak formal. Pendekatan dialog berhikmah Rasulullah SAW bagi meningkatkan keberkesanan amalan integrasi dengan pelbagai komuniti bukan Muslim boleh dilihat daripada pelbagai sudut. Pertama, cetusan dialog berhikmah ditonjolkan melalui penggunaan gaya bahasa dalam percakapan. Keyakinan golongan yang mencari kebenaran terpupuk apabila dialog berhikmah Rasulullah SAW disampaikan dengan bahasa yang mudah, tepat, kuat dan diapresiasi dengan dalil yang mendalam. Bagi golongan yang berjiwa lemah pula, dialog berhikmah disampaikan dengan kata-kata yang memuaskan hati mereka. Rasulullah SAW pernah berinteraksi menggunakan bahasa dan pendekatan yang lembut kepada golongan yang lebih keras (Mohd Zaidi, Nur Hafilah dan Bharuddin 2007). Kelihatan kesannya bahawa dialog berhikmah mampu memecahkan persepsi silap terhadap kepercayaan orang lain sehingga terjadinya difusi unsur-unsur agama sehingga komuniti yang berbeza ini dapat berkongsi persamaannya dalam pelbagai bidang kehidupan seharian. Kedua, konsep dialog berhikmah Rasulullah SAW dilontarkan kepada masyarakat majmuk dan dihayati pada peringkat global dalam bentuk praktis kehidupan. Menurut Khadijah dan Khairul Nizam (2005), strategi yang digunakan oleh Rasulullah SAW ialah dengan memilih cara yang berhikmah bagi menarik perhatian setiap

kelompok masyarakat termasuk komuniti bukan Muslim. Walaupun golongan Musyrikin Mekah menentang hebat dakwah yang disampaikan oleh Rasulullah SAW, namun Baginda pernah mengarahkan agar bantuan dihantar ke Mekah dan diagihkan kepada komuniti bukan Muslim di situ (Ahmad n.d.). Pada masa yang sama, penghayatan dialog berhikmah Rasulullah SAW terhadap hubungan dengan bukan Muslim Madinah ditumbuhkan melalui apresiasi terhadap amalan seperti memberi hadiah, menziarahi dan memuliakan mereka. Mengenali sesuatu agama adalah melalui masyarakatnya. Arah pemikiran Rasulullah SAW dalam hubungan antara Muslim dengan bukan Muslim ini menunjukkan bahawa dialog berhikmah wajar ditonjolkan dalam semua sektor kehidupan manusia. Justeru, dialog berhikmah Rasulullah SAW membawa informasi yang baharu tentang kebenaran agama yang sedikit sebanyak mempengaruhi intelektualisme komuniti bukan Muslim.

Dalam konteks hubungan dengan keluarga yang bukan Muslim, al-Quran menganjurkan agar berbuat baik kepada ibu bapa dan keluarga bukan Muslim. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Luqman, 31:15 yang bermaksud:

وَإِنْ جَهْدُكُمْ عَلَى أَنْ تُشْرِكُوا مَا لَيْسَ لَكُمْ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطْعِمُوهُمَا وَصَاعِدُهُمَا
وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفٌ وَاتْتَّبِعُ سَبِيلَ مَنْ أَنْبَأْتُ إِلَيْيَّ ثُمَّ إِلَيَّ مَرْجِمُ
فَأُنْبِئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya kamu mempersekuatkan denganKu sesuatu yang kamu – dengan fikiran sihatmu – tidak mengetahui sungguh adanya, maka janganlah kamu taat kepada mereka; dan bergaullah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik, dan turutlah jalan orang-orang yang rujuk kembali kepadaKu (dengan tauhid dan amal-amal yang soleh). Kemudian kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, maka Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan.

Ayat ini diturunkan sempena kisah Sa'ad bin Abi Waqqas yang telah menganut agama Islam. Berkaitan dengan ayat di atas, Ibnu Kathir (1981) menyatakan sebagaimana berikut:

Terasa semacam suatu kehancuran apabila ibu Sa'ad mendapati anaknya meninggalkan cara-cara kehidupan asal. Lalu pengislamannya dibantah dengan mengambil tindakan 'mogok lapor' selama 3 hari sehingga Sa'ad bin Abi Waqqas bertindak berjumpa Rasulullah. Akhirnya ibu Sa'ad berputus asa atas ugutannya dan mengambil keputusan untuk makan dan minum semula.

Yang nyata, ayat ini diturunkan untuk menyeru supaya kita melaksanakan hubungan yang baik dengan keluarga biarpun mereka tidak memeluk agama Islam, khususnya dalam aspek-aspek yang melibatkan hubungan semasa. Secara tegas, al-Qurtubi (1967) menyatakan bahawa perkara yang 'melibatkan hubungan semasa' termasuklah melakukan ihsan kepada kedua ibu bapa yang bukan Muslim seperti memberi nafkah, bercakap lembut dan mengajak mereka kepada nilai-nilai agama Islam dengan bahasa yang baik. Kekeluargaan, iaitu keanggotaan dalam sesebuah kelompok bernama keluarga menjadikan setiap individu sebagai sebahagian daripada kelompok itu. Perbezaan agama tidak pernah mendorong penghapusan hubungan dengan keluarga bukan Muslim sebagaimana yang dinyatakan oleh firman Allah SWT dalam surah Luqman ayat 15.

Dialog berhikmah wajar mengambil kira perkembangan yang turut berlaku dalam konteks hubungan Rasulullah SAW dengan masyarakat Kristian dan Yahudi. Kerjasama awal diperlihatkan dalam kisah Raja Habsyah yang berpegang kepada ajaran al-Masih yang memberi perlindungan kepada komuniti Muslim yang berhijrah dari Mekah walaupun diminta diserahkan kembali oleh Musyrikin Mekah. Rasulullah SAW menganjurkan bahawa dialog berhikmah harus diungkap dalam bentuk tindakan. Sebagai contoh, terdapat satu kumpulan masyarakat Nasrani dari Najran yang melakukan aktiviti keagamaan mereka di masjid Nabawi. Para sahabat merasa kurang senang dengan 'tindakan' kumpulan Nasrani memasuki masjid tersebut. Rasulullah SAW menjelaskan dengan berkata: "biarkan mereka sembahyang" (al-Qurtubi 1967). Proses memanifestasikan nilai-nilai murni agama Islam sudah pasti perlu melalui pendekatan yang berhikmah sungguhpun adakalanya berhadapan pelbagai cabaran. Rasulullah SAW optimis bahawa dialog berhikmah akan berhasil asalkan dilakukan dengan baik dan tidak melanggar syariat agama. Menerusi kisah lain pula, Rasulullah SAW pernah bangun dari duduk untuk menghormati jenazah seorang Yahudi yang diusung untuk dihantar ke tanah perkuburan. Rasulullah SAW juga pernah menegur para sahabat supaya jangan mencerca atau memperlekehkan cara beribadat orang bukan Muslim dan tempat sembahyang mereka bagi mengelakkan mereka mencemuh dan memperlekeh masjid (al-Bukhari 1972, 2: hadis 1313). Rasulullah SAW juga pernah bertindak menggadai baju perangnya kepada seorang Yahudi bernama Abu al-Syaham dan tindakan ini menunjukkan usaha Baginda dalam menjaga permuaafakan kaum. Namun, Islam bukan hanya agama yang memberi rahmat setakat kepada umatnya, malah Islam merupakan agama yang juga memberi rahmat secara tidak langsung kepada bukan Muslim menerusi perkongsian nilai, perasaan dan komitmen bagi kepentingan bersama. Peristiwa ini dijelaskan dalam satu hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Aisyah dalam bab jual beli seperti berikut:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اشْتَرَى طَعَامًا مِنْ يَهُودِيٍّ إِلَى أَجْلٍ وَرَهَنَهُ
دِرْعًا مِنْ حَدِيدٍ

Maksudnya: Rasulullah SAW pernah membeli makanan dari orang Yahudi dan beliau menggadai kepadanya baju besi beliau. (al-Bukhari 1972, 2: hadis 1962)

Ikhtisar dan iktibar Rasulullah SAW sebagaimana yang dipaparkan dalam ayat di atas ada manfaatnya daripada sudut konseptualisasi dialog berhikmah, khususnya dalam mengatur hubungan yang baik dengan komuniti agama yang lain. Keadilan dan sikap Rasulullah SAW menghormati norma bukan Muslim adalah bertujuan untuk melestarikan Islam sebagai agama yang membawa rahmat atau *rahmatan lil 'alamin*. Kejayaan hubungan antara agama boleh dipertanggungjawabkan kepada keyakinan bahawa manusia mampu melenyapkan salah faham dalam kalangan masyarakat yang berbeza kepercayaan dan cara hidup. Justeru, kesedaran untuk bekerjasama dengan mengeksplorasi hikmah dalam segala tindakan tetap akan menjanjikan sesuatu yang lebih baik, khususnya bagi komuniti Muslim.

Metodologi Kajian

Makalah ini merupakan sebahagian daripada kajian yang dilakukan oleh penulis tentang satu bentuk dialog antara agama yang dikenali sebagai dialog kehidupan yang berlaku dalam komuniti saudara Cina Muslim di Terengganu. Kajian kualitatif ini menggunakan teknik persampelan bertujuan, iaitu penyelidik merujuk kepada ciri-ciri tertentu yang ada pada sampel (Ahmad Sunawari 2009). Menurut Mokhtar (2011), reka bentuk kajian kualitatif boleh digunakan untuk menerangkan status terkini sesuatu fenomena yang berlaku. Justeru, kajian yang menggunakan reka bentuk sebegini boleh memberikan gambaran, informasi, penjelasan, persepsi dan pemahaman yang mendalam bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dibentuk. Peserta kajian merupakan saudara Muslim yang telah memeluk agama Islam di Terengganu. Bagi menjaga kerahsiaan responden dan memudahkan analisis, penulis menggunakan kod Resp #1 hingga Resp #20 sebagai ganti nama peserta kajian seperti yang disarankan oleh Nurulhuda dan Ramlee (2009). Bilangan peserta dalam kajian ini ialah seramai 20 orang. Temu bual separa berstruktur dilakukan dengan cara temu bual berfokus agar wujud perkongsian pengalaman antara pengkaji dengan responden (Ahmad Sunawari 2009). Soalan-soalan dibina berdasarkan tema yang telah dikenal pasti dengan senarai soalan ini menjadi panduan semasa proses temu bual dijalankan. Panduan temu bual boleh dijadikan senarai semak agar tidak ada maklumat yang terlepas dan pengumpulan data dihentikan apabila data yang diperoleh telah mencapai tahap tepu (Creswell 2005).

Rasional kaedah ini digunakan adalah seperti yang dinyatakan oleh Idris (2009) yang mana walaupun tumpuan dalam temu bual separa struktur ini adalah pada keseragaman soalan, namun jawapan daripada maklumat yang diinginkan perlu diperhalusi seperti penggunaan ungkapan, istilah atau perkataan yang digunakan dalam menjelaskan sesuatu perkara. Kajian kes yang berbentuk kualitatif dengan saiz sampel yang kecil ($n = 20$) ini tidak bertujuan untuk melakukan generalisasi hasil dapatan kajian kepada mana-mana populasi. Kajian rintis ke atas lima orang saudara Muslim Cina dilakukan bermula dari Februari 2012 hingga Mac 2012 sebelum temu bual sebenar dilakukan bermula dari 9 Oktober 2012 hingga 15 Disember 2012.

Apresiasi Dialog Kehidupan Berhikmah Komuniti Cina Muslim

Matlamat merapatkan hubungan antara ahli keluarga Muslim dengan bukan Muslim dalam komuniti saudara baru melalui apresiasi perkongsian nilai menjadi kian perlu bagi mencapai sebahagian daripada agenda negara, iaitu pemupukan hubungan etnik. Komuniti Cina merupakan kelompok saudara baru terbesar yang memeluk agama Islam di Malaysia (Osman & Abdul Salam 2008) umumnya dan di Terengganu khususnya (Bahagian Dakwah, Pejabat Agama Negeri Terengganu 2012). Menurut Lam (2005), komuniti Cina Muslim melakukan penyesuaian semula rutin kehidupan semasa berasaskan perspektif agama baharu yang dianuti. Justeru, kajian-kajian yang menyentuh tentang komuniti Cina yang memeluk agama Islam di Malaysia memperlihatkan kelompok ini berhadapan dengan proses pembinaan semula hubungan yang kadangkala dilihat agak sukar dengan keluarga asal (bukan Muslim) dan komuniti Muslim tradisi (Osman & Abdul Salam 2008; Ma 2005; Lam 2005).

Kajian ini hanya menumpukan fenomena dialog kehidupan yang berlaku dalam kalangan komuniti Cina di Terengganu memandangkan komuniti ini mempunyai ciri-ciri yang agak berbeza dengan komuniti Cina di negeri-negeri lain. Proses dialog kehidupan masyarakat Cina Muslim negeri Terengganu agak mudah berlaku kerana masyarakat induknya bersatu padu dalam banyak hal dan telah melalui proses akulturasi (Abdul Aziz 2003). Biarpun begitu, Norhana (2012) menyatakan bahawa komuniti Cina di Terengganu yang memeluk agama Islam lazimnya akan berhadapan masalah hubungan dengan ahli keluarga yang terdekat. Masalah yang dimaksudkan di sini adalah hal-hal yang berkaitan dengan rutin kehidupan sehari-hari seperti makan minum, sambutan perayaan, pengurusan jenazah ahli keluarga yang bukan Muslim dan sebagainya. Rasa tidak puas hati dan kemarahan ahli keluarga bukan Muslim terhadap saudara baru Cina ini membawa konflik yang berpanjangan. Jika dilihat daripada konteks hubungan inter etnik, permasalahannya melibatkan isu-isu yang berkaitan dengan bahasa,

budaya, agama dan stigma dianggap sebagai Muslim kelas kedua. Keadaan ini menyebabkan ada dalam kalangan komuniti saudara baru Cina ini mengambil keputusan untuk menjauhkan diri daripada kelompok Muslim tradisi. Justeru, selagi permasalahan ini tidak dirungkaikan dan diselesaikan dengan hikmah, kita berkemungkinan akan berhadapan dengan rentetan masalah yang lebih buruk. Oleh itu, strategi yang merangkumi aspek interaksi harian perlu dititikberatkan dalam pelaksanaannya. Penglibatan saudara baru dalam aktiviti sehari-hari keluarga asal ini haruslah melihatkan 'hikmah' sebagai satu kepentingan, khususnya dalam menentukan kaedah-kaedah interaksi.

Berdasarkan data pemeluk agama Islam dari tahun 1990–2011 di Terengganu, seramai 2,043 orang telah memeluk agama ini. Seramai 523 orang pemeluk agama ini terdiri daripada masyarakat Cina (Bahagian Dakwah, Pejabat Agama Negeri Terengganu 2012). Sehubungan itu, Abdul Halim Lim (2012) menjelaskan bahawa berlaku peningkatan jumlah pemeluk agama Islam di Terengganu pada setiap tahun. Kebanyakan yang memeluk Islam di negeri ini adalah mereka yang berusia 40 tahun ke atas manakala golongan wanita lebih ramai memeluk agama Islam berbanding golongan lelaki. Selain masyarakat Cina tempatan, terdapat juga masyarakat Cina yang berasal dari luar Terengganu memeluk agama Islam di negeri ini. Kebanyakan mereka datangnya daripada golongan bukan profesional. Norhana (2012) menyatakan bahawa komuniti Cina Muslim Terengganu berhadapan hubungan yang tegang dengan keluarga asal dan masyarakat Melayu Muslim setelah memeluk agama Islam. Bertitik tolak daripada permasalahan di atas, pembinaan semula hubungan sesama dan inter etnik wajar dilakukan bertunjangan kebijaksanaan bagi melestarikan keharmonian hidup, khususnya di negara Malaysia yang merangkumi pelbagai agama dan budaya. Justeru, al-Quran (contohnya dalam surah al-Nahl, ayat 125) dijadikan sandaran dan pedoman dalam apresiasi hubungan Muslim terhadap bukan Muslim; toleransi yang dijalankan mengesyorkan bahawa unsur-unsur hikmah wajar diresapkan dalam proses pembinaan hubungan. Proses ini akan membawa pelbagai unsur hikmah dalam pelaksanaan dialog kehidupan. Apa sahaja rutin yang berkaitan dengan hubungan sehari-hari seperti makan minum, kunjungan ziarah, tinggal bersama-sama dan meraikan kebudayaan komuniti lain adalah bentuk-bentuk dialog kehidupan komuniti bukan Muslim yang sekarang menjadi sebahagian daripada kebudayaan kelompok Cina Muslim di Terengganu. Norhana (2012) memperincikan kenyataan ini dengan menyatakan seperti berikut:

Walaupun masyarakat Cina yang memeluk Islam dipinggirkan oleh keluarga, mereka dituntut untuk mengunjungi keluarga yang bukan Islam dengan menerapkan adab-adab ziarah menurut Islam dengan disulami

akhlak-akhlak Islam yang murni. Penglibatan langsung masyarakat Cina Muslim dalam kehidupan masyarakat asal mereka mampu menjelaskan kebenaran dan mengikis salah faham mereka terhadap agama Islam.

Perbezaan agama yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri memanifestasikan keragaman budaya dalam kehidupan penganutnya. Tanggapan dan pegangan keluarga asal kepada pengertian 'menjadi Muslim akan memutuskan hubungan persaudaraan' mempengaruhi sikap dan hubungan antara kedua belah pihak (Ann Wan Seng 2012). Justeru, melalui kefahaman yang seluas-luasnya, saudara baru boleh memikul tugas-tugas untuk membentulkan semula stereotaip negatif masyarakat Cina bukan Muslim terhadap agama Islam dengan meneroka aspek-aspek hikmah semasa jalinan dialog kehidupan dijalankan. Yang nyata, dialog kehidupan berhikmah mampu melaikan permasalahan hubungan komuniti Cina Muslim dengan keluarga asal (bukan Muslim) dan masyarakat Muslim. Antara langkah proaktif yang dilakukan oleh saudara baru bagi mengatasi permasalahan hubungan ini adalah seperti berikut:

(i) Meredakan kemarahan ahli keluarga

Dialog kehidupan berhikmah dilihat sebagai satu usaha yang dapat meredakan kemarahan ibu bapa dan keluarga asal bukan Muslim terhadap saudara baru. Biarpun kesetiaan responden terhadap agama Islam mengatasi kesetiaannya terhadap keluarga, namun didapati pemupukan citra perhubungan yang harmonis antara keluarga yang berbeza agama dapat dibentuk semula melalui amalan ziarah. Temu bual ini dijelaskan seperti berikut:

Saya menziarahi ibu bapa saya bagi memujuk hati agar menjadi tenang semula. Sewaktu menziarahi ibu bapa, saya makan makanan yang halal sama ada disediakan oleh ibu atau dibeli dari luar bagi mengambil hati ibu. Dengan menunjukkan akhlak-akhlak Islam yang baik, akhirnya saya dapat meyakinkan semula keluarga agar menerima semula diri saya. [Resp #17 (Hokkien) 2012]

Contoh yang lain ialah bagaimana responden mengajak ahli keluarga bukan Muslim untuk makan di restoran yang halal. Pengalaman ini dijelaskan seperti berikut: "Kalau Tahun Baru Cina, saya makan buah-buahan [pilih-pilih yang mana yang halal ... biasanya kita makan di restoran orang Melayulah]" [Resp #16 (Kantonis) 2012].

Aktiviti menziarahi ahli keluarga bukan Muslim memperlihatkan bagaimana masyarakat Cina Muslim di Terengganu berusaha membina semula hubungan yang baik dengan keluarga asal walaupun ia mengambil tempoh masa yang agak lama. Justeru, masyarakat Cina Muslim memerlukan kekuatan dalaman

untuk berhadapan dengan cabaran yang dihadapi. Resp #02 (Hokkien) berikut menjelaskan bahawa ibunya menerima dengan baik setelah dia berkahwin dengan pasangan Melayu. Pengalaman ini dijelaskan seperti berikut:

Bagi mengelakkan salah faham ibu, saya kerap kali menziarahinya termasuk semasa menyambut hari kebesaran masyarakat Cina [sehingga] perkahwinan saya dengan pasangan berbangsa Melayu], memberi ruang kepada ibunya untuk mengenal dan mempelajari budaya Melayu seperti adab meminang, perkahwinan dan menerima menantu. [Resp #02 (Hokkien) 2012]

Dialog selanjutnya menjelaskan hubungan kekeluargaan dapat dipulihkan apabila responden memperoleh zuriat. Hal ini dinyatakan seperti berikut: "... [bila dapat anak yang pertama] ... ibu bapa baik sikit hubungan dengan saya" [Resp #16 (Kantonis) 2012].

(ii) Mengikis sikap prejudis

Dialog kehidupan berhikmah dilihat sebagai satu mekanisme atau proses untuk mendekatkan dan membina semula hubungan yang terpisah kerana perbezaan agama. Penekanannya adalah kepada perkongsian aktiviti di rumah keluarga asal atau di rumah saudara baru. Semakin kerap saudara baru terlibat dalam dialog kehidupan, semakin mudah untuk menyemai dan menyemadikan rasa toleransi antara keluarga. Tentu sekali dalam proses pemelukan agama Islam ini, isu yang berkaitan dengan makanan dan penyediaannya merupakan perihal yang amat penting kepada kehidupan saudara baru. Integrasi antara saudara baru dengan ahli keluarga bukan Muslim meliputi pengurangan atau penghapusan sentimen-sentimen yang menghalang pemuafakatan bersama. Hal ini dijelaskan seperti dalam temubual berikut:

Apabila saya berjalan ke rumah adik beradik ... makan minum saya keadaan bagaimana saya boleh makan ... Lepas ibu saya meninggal, adik beradik menerima saya semula. Apabila hari raya saya bawa barang-barang mentah dari rumah saya buat BBQ di rumah ayah, saya buat nasi minyak dan saya masak di situ. [Resp #07 (Hokkien) 2012]

Selepas saya kahwin, selepas saya dapat anak, emak dah boleh terima, maknanya hanya setahun ... Sekarang ni mak pun baik, adik beradik pun baik, kakak semuanya baik. Kalau hari raya adik beradik datang rumah saya akan masak dan kadang-kadang dia akan membantu saya. [Resp #12 (Hokkien) 2012]

(iii) Menjalin semula ikatan persaudaraan dan kasih sayang

Aplikasi hikmah yang signifikan dalam dialog kehidupan saudara baru juga ditonjolkan dalam pengurusan kematian ahli keluarga bukan Muslim. Satu tinjauan tentang kandungan pelaksanaan dialog kehidupan, sebagaimana ditemu bual, menunjukkan penglibatan saudara baru dalam urusan kematian keluarga berdasarkan batasan syariat agama Islam. Item-item batasan ini termasuklah tidak melakukan sebarang bentuk penyembahan kepada si mati, menjaga makan dan minum semasa ziarah, tidak meratapi kematian dan sebagainya. Matlamat dialog kehidupan ini ialah untuk memberi kefahaman kepada komuniti asal yang seterusnya diterjemahkan kepada suatu peringkat yang lebih bersifat operasional. Ridzuan (2012) meyakini bahawa apresiasi sedemikian mampu memupuk hubungan kasih sayang dan menjawab persoalan 'ingin tahu' dalam kalangan ahli keluarga. Pengalaman ini dinyatakan seperti berikut:

Semasa kematian ayah saya, saya ada balik ... Kita boleh pakai baju dia, pakai baju putih ... Setahu saya kita boleh hormat dia macam ini ... tapi kita tak boleh sujud ... Saya tanya ramai ustaz ... Depan saya satu orang Islam saja ... Nanti orang lain cakap ini orang Islam biadab, yang lain semua Cina. [Resp #11 (Foochow) 2012]

Pergi (menziarahi kematian) ... Biasanya kita menziarahi, tengok si mati, bagi takziah kepada keluarga, sembang-sembang dengan kenalan, minum air lepas tu kita baliklah. Kalau yang rapat tu kita pergi juga, kita hantar ke kubur ... Tengok-tengok sekejap, hadir diri lepas itu kita baliklah. [Resp #06 (Hokkien) 2012]

(iv) Memberi kefahaman tentang agama Islam

Aplikasi dialog kehidupan sesama etnik ini telah membentuk kefahaman yang luhur bahawa wujud ruang-ruang yang boleh diikuti oleh seorang saudara baru Muslim dalam menguruskan kematian keluarga bukan Muslim. Pengalaman ini dijelaskan seperti berikut:

Bila emak saya mati, saya pergi ... tapi orang Melayu tidak bagi pergi ... bila saya pergi saudara mara memang ramai ... dia pun masing-masing mari duduk dekat saya ... dia tanya saya boleh datang ke? [saya kata boleh datang, cuma syaratnya, saya tidak boleh pergi sembahyang]. Lepas itu waktu pergi kubur saya boleh pergi. Lepas itu, bila nak tanam mayat, dia kata kena kepala tanah,

yang itu merupakan adat dia saya pun *confuse* takut ada unsur agama sebab dia ada unsur penyembahan dengan menyebut bacaan tertentu, dia lontar tanah yang dikepal di dalam kubur. Adat orang Cina pergi dekat mayat kena menangis, paksa menangis menjadi satu perkara yang wajib ... Saya kata dalam Islam seseorang itu tidak boleh menangis. Lepas itu saya memberitahu kepada ayah saya ketika emak saya mati tu [saya adalah bagi tahu ini boleh makan dan ini tak boleh makan macam air, kuih dan sebagainya]. Semasa menggali kubur itu orang adalah memintanya memakai pakaian upacara pengebumian. Lepas itu saya kata ni keagamaan, saya kata ni tidak boleh pakai ... Cuma saya berkata: sebagai tanda penghormatan saya memakai jugalah kain yang diikat berwarna merah dan dicucuk dengan jarum. [Resp #07 (Hokkien) 2012]

Walau bagaimanapun, apresiasi dialog kehidupan yang disifatkan sebagai berhikmah ini kadangkala mencetuskan ketegangan apabila interaksi yang berlaku menampakkan ahli keluarga bukan Muslim agak berat menerima beberapa amalan saudara baru Cina. Hal ini bermakna, walaupun pada peringkat permulaan hubungan saudara baru bolehlah disifatkan sebagai tenang tetapi kadangkala hubungan ini bersifat kosmetik; pada dasarnya masih tersemat kuat perasaan marah, kecewa dan tidak puas hati dalam kalangan ahli keluarga bukan Muslim yang akhirnya melahirkan perasaan syak dan wasangka. Dialog tersebut digambarkan dalam temu bual berikut: "Mak tanya buat apa pakai tudung (jilbab)? Tidak panas ke? Saya kata memanglah kena pakai ... kita dah Islam, aurat kita (suasana marah)" [Resp #12 (Hokkien) 2012].

Dalam kes yang lain, Resp #13 (Hakka) telah berkunjung ke rumah abangnya yang beragama Buddha ketika sambutan Tahun Baru Cina. Sebagai penghormatan kepada tetamu yang beragama Islam, abangnya telah menempah makanan yang dimasak oleh komuniti Melayu Muslim. Walau bagaimanapun, berlaku hubungan yang tegang apabila Resp #13 (Hakka) enggan mengambil makanan yang disediakan oleh keluarganya. Dalam perihal ini, dialog yang agak tegang dipaparkan seperti berikut:

Abang saya ada menyediakan bekas polisterin sebab saya tak lalu nak makan. Sebab keluarga saya (abang) memang jenis makan daginglah (babi), cuma saya minum air sahaja, makan kacang dan limau. Tiga inilah yang saya makan, abang saya makan doh, saya tidak moh (mahu) makan nasi saya dok leh nak gi (tak dapat nak menikmati) ... dia marah saya. [Resp #13 (Hakka) 2012]

Kedua-dua dialog di atas memperlihatkan bahawa ketegangan boleh berlaku daripada kedua-dua belah pihak sama ada daripada pihak keluarga asal atau saudara baru sendiri. Kurangnya toleransi dalam beragama menjadi salah satu faktor berlakunya ketegangan semasa dialog kehidupan berlaku. Justeru, dalam proses percantuman semula dengan keluarga asal, hubungan kekeluargaan kadangkala diuji dengan konflik yang berpunca daripada perbezaan agama.

(v) Merapatkan hubungan persaudaraan Islam

Bentuk dialog kehidupan berhikmah juga ditemui dalam konteks hubungan antara masyarakat Cina Muslim dengan masyarakat Melayu. Mengambil kira penglibatan masyarakat Cina Muslim dalam budaya tradisi Melayu seperti kenduri, gotong-royong dan urusan perkahwinan menunjukkan ia dilaksanakan dengan hikmah bagi menjaga keharmonian antara kaum. Hal ini dijelaskan seperti dalam temu bual berikut:

Macam kenduri kahwin ada pergi, saya tolong macam kawan-kawan ... saya selalu dipanggil untuk urusan meminang, hantar ke rumah pengantin baru, bawa hantaran. [Resp #11 (Foochow) 2012]

Anak-anak saya kahwin guna adab Melayu. Saya banyak wakil ke adik ipar saya. Saya belajar dari situlah ... adat merisik, meminang, bersanding. Tapi orang Cina lebih kurang je dengan Melayu, budaya nak kahwin dia orang pun ada merisik juga ... sama sahaja. [Resp #08 (Hokkien) 2012]

Gotong-royong ia akan panggil minta tolong kupas bawang, tanya saya macam mana nak bersihkan ayam, nak lembutkan ayam kita pun bagi tahu petua dia. Dia orang dah boleh terima apa yang saya masak, dia orang boleh makan. Kalau dekat pasar tu dia orang bagi ayam, "Kak Nurul ambil ayam ini masak ayam halia ke saya", saya masaklah, dia bawa balik ke rumah mak ayah dia. [Resp #07 (Hokkien) 2012]

Kalau rumah yang kita kenal tu, jiran kita pergilah, kita tolong potong bawang, siang ayam, apa yang perlu kita buatlah, kita tengok yang mana tempat kurang tenaga kita gi tempat itu. [Resp #12 (Hokkien) 2012]

Macam dia orang nak buat tahlil kita pergilah jemput budak-budak dari Maahad Tahfiz berapa orang dan join dengan dia orang sekali, sembahyang. [Resp #06 (Hokkien) 2012]

Proses hubungan saudara baru dengan komuniti Melayu Muslim secara praktiknya melanjutkan proses pembelajaran agama Islam. Dialog kehidupan berhikmah sesama Muslim ini bukan hanya sekadar 'satu proses sosialisasi' bahkan bagi setengah saudara baru ia merupakan satu kaedah pembelajaran secara turun padang bagi meningkatkan kefahaman tentang agama Islam. Seolah-olah ini merupakan satu kemuncak dialog kehidupan berhikmah dalam hubungan antara kaum tanpa menyedari bahawa dengan perkongsian sedemikian kita sekali gus telah menyatukan jurang sosial. Secara tegas dapat dinyatakan bahawa dialog kehidupan berhikmah antara dua komuniti ini meluputkan ciri-ciri tradisi, iaitu 'terabai' dan 'terbiar' dalam kalangan saudara baru. Hal ini dapat dilihat misalnya dalam proses pembelajaran agama Islam yang jelas memperlihatkan perkongsian kegiatan yang mana saudara baru dan komuniti Melayu bersama-sama menjayakan aktiviti-aktiviti seperti sembelihan korban, gotong-royong menyediakan makanan, sambutan hari keluarga, acara sukan dan hiburan yang dilaksanakan atas dasar perpaduan dan persaudaraan Muslim sejagat. Pelaksanaan dialog kehidupan berhikmah antara komuniti Cina Muslim dengan Melayu Muslim kadangkala berhadapan dengan beberapa cabaran, misalnya dalam isu yang berkaitan dengan bahasa dan makanan. Perkara ini dijelaskan seperti berikut:

Orang Melayu (kawan-kawan) taksub sangat kepada Imam Syafii, kalau mak hidang makanan yang halal macam kek dalam pinggan, dia tak makan. [Resp #16 (Kantonis) 2012]

Hubungan isteri saya dengan mak saya masalah sikit, ibu saya kurang petah bercakap bahasa Melayu. Saya ajar isteri saya belajar Cina dia tak ikut pun, jadi pergaulan ada masalah sikitla. Kadang-kadang budaya Melayu dan Cina lain, kalau budaya Cina, menantu datang rumah, dia akan tolong mak mertua tapi isteri saya lain ... dia pergi rumah mak mertua, dia tak tahu apa nak tolong, mak saya rasa macam ada asing sikit la. [Resp #16 (Kantonis) 2012]

Dialog kehidupan berhikmah yang tidak mencapai matlamatnya berpunca daripada sikap masyarakat Melayu Muslim sendiri yang mengambil mudah terhadap hubungan yang berlatarkan budaya yang berbeza. Hubungan yang bermasalah menyebabkan dialog kehidupan agak sukar untuk diketengahkan apabila pudarnya sikap dan rasa saling percaya-mempercayai antara satu sama lain. Justeru, untuk berjaya dalam dialog, Koech (2009) menyarankan bahawa empat perkara ini perlu ditekankan semasa dialog berlangsung, iaitu mendengar dengan memberi perhatian apa yang dipertuturkan, empati terhadap pengalaman orang lain, menganalisis apa yang diucapkan dan menunjukkan minat terhadap apa yang diucapkan oleh rakan dialog.

Yang terdapat pada situasi dialog kehidupan komuniti saudara baru dan Melayu Muslim ialah hikmah, iaitu nilai menggunakan akal budi, kearifan dan berhati-hati (*Kamus Dewan* 2010) diintegrasikan dalam kehidupan baharu, dan sebagai kelompok Muslim 'baharu', ia tidak menghilangkan identitinya. Bagi komuniti Cina bukan Muslim, arah aliran persepsi mereka terhadap stereotaip agama Islam dan masyarakatnya boleh dikesan dengan meninjau implikasi pelaksanaan dialog kehidupan berhikmah. Antara implikasi pelaksanaannya ialah mengikis salah faham beragama, mengendurkan ketegangan dan memperoleh jawapan yang sebenar tentang kekeliruan dalam perbezaan agama. Selain itu, dialog kehidupan berhikmah mampu menjelaskan bahawa Islam merupakan agama yang bertoleransi dan saudara baru perlu mempertahankan luhur budaya, adat resam dan bahasa yang diwarisi, maka sedikit sebanyak prasangka komuniti bukan Muslim terhadap agama Islam dan masyarakatnya dapat dikikis. Dialog kehidupan saudara baru Cina di Terengganu memaparkan aktiviti dialog yang dilakukan dalam suasana yang berhati-hati, ertinya nilai-nilai umum yang boleh dikongsi dijadikan sebagai asas pemupukan persefahaman berdasarkan kerangka yang digariskan oleh agama Islam. Begitu juga, pengetahuan saudara baru Cina yang tinggi terhadap budaya dan sensitiviti etnik asal memudahkan dialog kehidupan berlaku dengan damai.

Penutup

Surah al-Nahl ayat 125 menganjurkan hubungan sesama manusia dilakukan dengan cara berhikmah. Aspek hikmah ini merangkumi aspek kehidupan semasa manusia seperti interaksi, amalan atau tingkah laku dan pemberian hak serta kebebasan beragama. Perkembangan hubungan saudara baru dan ahli keluarga bukan Muslim pada praktiknya memberikan salah faham dalam beragama; seolah-olah pemeluk agama Islam membentuk satu realiti perpecahan sosial daripada penjelasan komuniti bukan Muslim tentang hubungan kekeluargaan. Hubungan antara agama dan budaya yang dilalui dalam kalangan komuniti Cina Muslim di Terengganu memaparkan perkongsian aktiviti yang dilakukan dengan berilmu, berakhhlak dan berhati-hati. Dalam hubungan yang baharu ini, konsep dialog kehidupan berhikmah mampu mengubah senario komuniti ahli keluarga bukan Muslim dalam sudut pandangan kehidupan yang sebenar.

Senario yang dipaparkan di atas memperlihatkan bahawa pengalaman apresiasi dialog kehidupan berhikmah saudara baru mampu meredakan kemarahan ahli keluarga, mengikis sikap prejedis dalam beragama, membetulkan salah faham, menjalinkan semula ikatan persaudaraan keluarga dan persaudaraan sesama Muslim. Justeru, pengukuhan perpaduan antara kaum dan agama melalui dialog sedemikian dengan tindakan terus-menerus sudah pasti bertepatan dengan hasrat kerajaan bagi mencapai perpaduan nasional.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada RP035-17HNE di bawah E-GRAN UMRG, Universiti Malaya kerana menyediakan dana bagi penyelidikan ini.

Nota

1. Dialog agama boleh dibahagikan kepada empat bentuk, iaitu dialog kehidupan, dialog karya (dialog tindakan bersama), dialog pengalaman agama dan dialog teologi (Suraya 2012).

Soalan-soalan yang ditemu bual:

Soalan-soalan yang dikemukakan adalah berdasarkan kepada kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik yang bertajuk "Kajian Pengalaman Dialog Kehidupan dalam kalangan Komuniti Cina Muslim di Negeri Terengganu Sebelum dan Selepas Konversi".

1. Apakah faktor saudara/i memeluk agama Islam?
2. Apakah cabaran yang dilalui setelah saudara/i memeluk agama Islam?
3. Bagaimanakah pengalaman awal saudara/i terlibat dalam dialog kehidupan (dalam mengenal agama Islam)?
4. Bagaimanakah pengalaman dialog kehidupan (hubungan) saudara/i dengan keluarga asal setelah memeluk agama Islam?
 - kunjungan ziarah
 - urusan yang berkaitan kematian
 - perkongsian budaya
 - sambutan perayaan
5. Bagaimanakah pengalaman dialog kehidupan (hubungan) saudara/i dengan masyarakat Melayu setelah memeluk agama Islam?
 - hubungan dengan keluarga baru
 - penglibatan dalam aktiviti gotong royong
 - penglibatan dalam aktiviti keagamaan
 - penglibatan dalam aktiviti yang melibat adat-istiadat Melayu
6. Bagaimanakah (dialog kehidupan) hubungan saudara/i dalam situasi sekarang?

Rujukan

- Abdul Aziz Deraman. 2003. Sosiobudaya 2020. In *Membina bangsa Malaysia*, eds. Shamsul Amri Baharuddin, Rahimah A. Aziz, Abdul Rahman Embong, Mohamed Yusof Ismail and Kamaruddin M. Said, 23–60. Bangi: Jabatan Perpaduan Negara & UKM.
- Abdul Halim Lim Abdul Rahman. 2012. Personal communication on 26 March 2012 at Pejabat Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) Terengganu.
- Abu Muhammad Abdul Malik bin Hisyam Al-Muafiri. 2009. *Sirah Nabawi li Ibnu Hisyam*. Lebanon: Darul Kutub Al-Ilmiyyah.
- Ahmad bin Muhammad bin Hanbal. n.d. *Musnad Imam Ahmad*. Musnad Abī Said al-Khudri. Beirut: Dar Ihya Turath Arabī.
- Ahmad Sunawari Long. 2009. *Pengenalan metodologi penyelidikan pengajian Islam*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Ann Wan Seng. 2012. *Biar orang Cina pimpin Islam*. Sungai Buloh: Kemilau Publik.
- Azizan Baharudin. 2008. Peranan dialog peradaban di dalam wacana "Tamadun Malaysia". *Jurnal Peradaban* 1: 1–20.
- Azmil Zainal Abidin. 2008. Fenomena kerencaman agama dan alternatif usuluddin terhadap pendekatan dialog antara agama. In *Konsep asas Islam dan hubungan antara agama*, eds. Wan Suhaimi Wan Abdullah and Mohd Fauzi Hamat. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Bahagian Dakwah, Pejabat Agama Negeri Terengganu. 2012.
- Al-Bukhārī, Muhammad bin Ismail Abu 'Abd Allah. 1972. *Jami' al-Sahih*. Cairo: Al-Matba'ah al-Salfiyah wa Maktabah.
- Creswell, J. 2005. *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative* (2nd ed.). University of Nebraska - Lincoln: Pearson Education International.
- Fitzgerald, M.L. 2005. The Catholic Church and interreligious dialogue in *Buletin 75, Oktober 2005*. <http://76.227.210.78/a.php?id=723> (accessed 13 November 2011).
- Hensman, J.M. 1999. The dialogue of life. The question: "How do we live our lives together?" The answer: "By passing over and coming back. *East Asian Pastoral Review* 1999 36(4) (accessed 12 November 2011).
- Ibn Hisyam, Abu Muhammad Abdul Malik bin Hisyam bin Ayyub al-Himyari al-Muafiri al-Basri. 1955. *Al-Sirah al-Nabawiyyah*, ed. Mustafa al-Saqa, vol. 1. Egypt: Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Ibnu Kathir, Abi al-Fida' Isma'il al-Dimsyiqi. 1981. *Tafsir al-Quran al-A'zim lil Imami al-khalil al-hafiz Imad al-Din Abi al-Fida'*, vol. 3. Isma'il al-Dimsyiqi, Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu Manzur. 2003. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar al-Sadr.
- Ibrahim Mustaffa, Abd al-Qâdir, Hamid; al-Zayyât, Ahmad Hasan and al-Najjâr, Muhammad Ali. 1989. *Al-Mu'jam al-Wasit*. Early juz. Istanbul: Maktabat al-Islamiyyah.
- Idris Awang. 2009. *Penyelidikan ilmiah amalan pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Kamus Dewan Edisi ke-4. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khadijah Mohd Hambali and Khairul Nizam Mat Karim. 2005. *Interaksi dan dialog agama: Satu paparan dalam "Islam dan dialog peradaban: Satu perspektif"*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Koech, J. 2009. Inter-Religious Dialogue (IRD) workshop report held in Meru at Gitoro Spiritual Centre, 29 November–3 December 2009.
- Lam, J. 2005. *Religious conversion and reconstruction of identities: The case of Chinese Muslim converts in Malaysia*. Singapore: Southeast Asian Studies Programme, National University of Singapore.
- Ma, R.W. 2005. Shifting identities: Chinese Muslims in Malaysia. *Asian Ethnicity Journal* 6(2): 89–107, <https://doi.org/10.1080/14631360500135146>.
- Mohamad Zaidi Abdul Rahman, Nur Hafilah Musa and Bharuddin Che Pa. 2007. Asas toleransi terhadap kebebasan beragama dari perspektif Islam. In *Konsep asas Islam dan hubungan antara agama*, eds. Wan Suhaimi Wan Abdullah and Mohd Fauzi Hamat. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mokhtar Ismail. 2011. *Kaedah penyelidikan kuantitatif dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad bin 'Alawi Al-Maliki. n.d. *Zubdah al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*. n.p.: n.pub.
- Norhana Ng Abdullah. 2012. Personal communication on 12 March 2012 at Pejabat Kompleks Darul Fitrah.
- Nurulhuda Che Abdullah and Ramlee Mustapha. 2009. Kajian kes usahawan tani industri kecil sederhana (IKS) bumiputera di negeri Terengganu. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(2): 143–165.
- Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng and Abdul Salam Muhamad Shukri. 2008. *Muslim converts in Malaysia: The problem of cultural adjustment*. Kuala Lumpur: Research Centre International Islamic University.
- Al-Qurtubi, Abi 'Abdillah Muhammad ibn Ahmad al-Ansari al-Qurtubi. 1967. *Al-Jami' lil Ahkam al-Quran*. Tahqiq al-Duktur 'Abdillah ibn 'abd al-Hassan al-Tarki. Cairo: Dar al-Katib al-arabi al-Tobaah wa Al-Nasyr.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Mohd Anuar Ramli, Paizah Ismail and Nor Hayati Mohd Dahlan. 2011. Dialog antara agama: Realiti dan prospek di Malaysia. *Kajian Malaysia* 29(2): 91–110.
- Reese, W.L. 1980. *Dictionary of philosophy and religion: Eastern and Western thought*. New Jersey: Harvester Press.
- Ridzuan Tee. 2012. *Cabarang saudara baharu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Sequeira, O. 2007. Interreligious dialogue. <http://www.anubhavworldocd.org/article17.html> (accessed 10 December 2011).
- Suraya Sintang. 2012. Dialog kehidupan dalam hubungan antara agama di Sabah. Kajian pengalaman saudara baru. PhD diss., Universiti Malaya.
- Syed Qutb. 2004. *Fi zilalil al-quran*. Beirut: Dar al-Syruq.
- Syed Zainal Abedin. 2000. Kaum beriman dan peningkatan saling percaya dalam sejarah. In *Dialog Muslim-Kristen: Dulu, sekarang dan esok*, trans. Ali Noer Zaman. Yogyakarta: Penerbit Qalam.

- Troll, C.W. 2008. Dialogue and truth-claims in Christianity and Islam. Public lecture at Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya, 20 November 2008.
- Al-Wahidi Al-Nasyabury. n.d. *Asbab an-Nuzul*. Mawaqiu' Sy'ab: n.pub.
- Wan Zulkifli Wan Hassan. 2005. Sadd al-Dhara'i dalam memelihara agama dan kaitannya dengan atas keharmonian hubungan etnik. *Jurnal Pengajian Umum* 6: 95–108.